



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KASIHNITA SASAR SANTUNI 5,000 IBU TUNGGAL SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 16 APRIL 2026 – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada hari ini telah merasmikan Majlis Tautan Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) 2026 anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Program ini merupakan manifestasi keprihatinan berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan golongan ibu tunggal tidak terpinggir, sebaliknya terus diberi sokongan dan peluang untuk membina kehidupan yang lebih baik.

YB Dato' Sri Hajah Nancy berkata, “KasihnITa adalah platform yang sangat bermakna dalam membantu ibu tunggal mendapatkan ilmu, membina kemahiran, mengukuhkan keyakinan diri dan seterusnya mengurus kehidupan dengan lebih tersusun dan yakin.”

Program KasihnITa dirancang khusus untuk membina kapasiti ibu tunggal melalui tiga modul utama iaitu Kemahiran Perundangan, Pengurusan dan Literasi Kewangan serta Pembangunan Psikososial. Ketiga-tiga modul ini memberi fokus kepada peningkatan kefahaman hak, pengurusan kewangan yang mampan serta pengukuhan emosi dan daya tahan diri peserta.

Pada tahun 2025, program ini telah mencatat pencapaian yang sangat memberangsangkan dengan penglibatan hampir 1,900 ibu tunggal di enam (6) zon seluruh negara. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 90 kes bantuan guaman berjaya diuruskan dengan bantuan peruntukan yang disalurkan kepada ibu tunggal untuk menuntut serta mempertahankan hak mereka.

Seiring dengan keberkesanan yang ditunjukkan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta bagi pelaksanaan Program KasihnITa pada tahun 2026. Program ini akan diperluas ke 13 negeri dengan sasaran penyertaan seramai 5,000 ibu tunggal di seluruh negara.

Bagi memudahkan penyertaan ibu tunggal dari seluruh negara, pelaksanaan program tahun ini akan dibuat dalam dua fasa, iaitu Fasa 1 secara dalam talian yang merangkumi sesi advokasi dan pengenalan, diikuti Fasa 2 secara fizikal. Pendaftaran program telah dibuka mulai 1 Februari 2026 dan akan berakhir pada 20 April 2026.

KasihniTa dirangka sebagai salah satu inisiatif penting bagi menyokong matlamat Dasar Wanita Negara dan pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030, khususnya dalam usaha memperkasa wanita, meningkatkan kemahiran sendiri serta membolehkan mereka menyumbang secara positif kepada keluarga dan masyarakat.

KPWKM sentiasa komited merangka dan melaksanakan inisiatif yang benar-benar memberi manfaat, supaya lebih ramai wanita, khususnya ibu tunggal, dapat dibantu untuk bangkit, berdikari dan membina masa hadapan yang lebih baik.

Turut hadir YB Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datin Safida Zalma binti Mohd Piah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM, YBrs. Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah JPW dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 APRIL 2026**